



KENYATAAN MEDIA

SUKSIS UniMAP MENGISI KEDAIFAN ANAK-ANAK KEMBOJA

KANGAR, 24 November – Kedaifan yang dialami anak-anak Kemboja meruntun jiwa 25 anggota Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk menabur bakti di Phnom Penh dan Siam Reap baru-baru ini.

Komandan Kor SUKSIS UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, kedaifan yang diharungi warga Kemboja terutama sistem pendidikan membuka hati mereka untuk menganjurkan SUKSIS Community Outreach Program and Engagement (SCOPE).

“Saya berasa amat terharu diatas kesanggupan anggota SUKSIS yang secara sukarela membayai sendiri kos pengangkutan untuk berbakti selama empat hari kepada masyarakat setempat tanpa mengira batasan anutan agama.

“Ini membuktikan rasa prihatin mahasiswa UniMAP ini ke arah kerja sukarela global,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Turut serta dalam delegasi SCOPE Timb. Komandan Kor SUKSIS UniMAP, Supritendan Kor SUKSIS UniMAP, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail dan Pegawai Latihan Luar Kor SUKSIS, Asisten Superintendent Kor SUKSIS Raja Shah Erman Raja Arifin.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP berkata, program yang berteraskan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) bermula di Sekolah Cambodian Islamic School, Chroy Metryleu, Phnom Penh dengan mahasiswa dibahagikan kepada 4 kumpulan mengikuti tahap kelas pengajian iaitu Tadika, Rendah dan Menengah termasuk Sekolah Pelajar Lelaki.

“Di sini Pelajar UniMAP telah menjadi tenaga pengajar dan fasilitator dalam slot motivasi dan ‘English Class’. Bersama dengan kanak-kanak dan pelajar sekolah untuk mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa inggeris. “

“Manakala pada hari kedua, aktiviti USR ini disambung di Kg. Ton Le Sap, Siem Reap dengan mengunjungi perumahan di atas tasik dan memberi sumbangan kepada kanak-kanak sekolah dan komuniti Islam di sana,” katanya lagi.

Dalam SCOPE itu juga, delegasi SUKSIS UniMAP turut mengadakan kunjungan hormat ke Kedutaan Malaysia, dan mereka diberikan taklimat mengenai hubungan diplomasi antara Malaysia dan Cambodia dalam aspek ekonomi, politik, pendidikan dan keselamatan oleh Setiausaha Pertama Kedutaan, Mohamad Fairuz Shafie.

Dr. Zul Azhar berkata, dalam pertemuan itu, para anggota SUKSIS dinasihatkan untuk menjadikan pengalaman yang ditimba sepanjang berada di sana untuk dijadikan titik permulaan untuk terus berbakti.

“Dari taklimat itu kami dapati pelajar di sini mempunyai masalah kekurangan buku rujukan dalam bidang sains, matematik dan bahasa Inggeris.

“Kita akan berusaha untuk mengumpulkan buku-buku yang diperlukan ini untuk disumbangkan kepada sekolah-sekolah berkaitan di Kemboja untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan,” ujar beliau lagi.

Sementara itu dalam perkembangan lain, SUKSIS UniMAP dengan kerjasama Unit Transfusi Darah, Jabatan Patologi Hospital Tunku Fauziah Kangar menganjurkan Program Derma Darah yang diadakan di Dewan Terbuka Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu baru-baru ini.

Program yang bermula jam lapan pagi dan tamat jam satu petang itu berjaya mengumpulkan lebih 200 anggota dan penghuni kolej kediaman untuk menderma darah.

Dikeluarkan Oleh :

Mohd Basri Basir (mbasri@unimap.edu.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP